

04/08/1998

Dana Buku dapat sokongan

Tamrin Anuar

PELBAGAI pihak memberi sambutan menggalakkan kepada kempen kutipan untuk menjayakan Dana Buku Kebangsaan yang akan dilancarkan dengan rasminya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Selain syarikat penerbitan, orang perseorangan dan tokoh korporat, Menteri Kabinet termasuk Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menyatakan kesediaan untuk menyumbang buku kepada dana berkenaan.

Pengarah Pembangunan Manusia, Bahagian Kemajuan Masyarakat (Kemas), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Ibrahim Narek, berkata pihaknya masih mengalu-ngalukan semua pihak untuk tampil menghulurkan sumbangan masing-masing untuk menjayakan Dana Buku ini yang akan diagih kepada perpustakaan luar bandar di seluruh negara.

"Sehubungan itu, sesiapa yang memiliki khazanah yang tidak digunakan lagi boleh menghantar sumbangan berkenaan ke semua stesen minyak Petronas atau Pos Malaysia di seluruh negara.

"Kedua stesen ini akan menyediakan tempat khas bagi memastikan buku yang dikumpulkan berada dalam keadaan selamat dan terpelihara," katanya kepada Berita Harian, semalam.

Menurut Ibrahim majlis melancarkan Dana Buku Kebangsaan akan berlangsung di ruang legar stesen minyak Petronas Sri Hartamas, Kuala Lumpur, pada 5 Ogos ini, jam 12.45 tengah hari.

Menurut Ibrahim, kesedaran membaca di kalangan masyarakat di negara ini masih rendah berbanding di negara maju lain, dan sumbangan ini diharap akan meningkatkan semangat orang ramai untuk membaca, khususnya bahan bacaan berkualiti.

Katanya, syarikat yang menyumbang untuk Dana Buku Kebangsaan itu akan diberi surat penghargaan yang boleh digunakan bagi pengecualian cukai berikutan sumbangan yang diberikan itu.

Katanya, dengan wujudnya banyak pusat bacaan di luar bandar diharap lebih ramai rakyat negara ini dapat memperoleh bahan bacaan secara percuma dan mengurangkan peratus buta huruf di negara ini.

"Justeru, diharapkan tokoh korporat, orang perseorangan dan syarikat penerbitan tampil menyumbang sama ada buku terpakai atau baru untuk diagihkan kepada masyarakat desa," katanya ketika dihubungi semalam.

Usaha mewujudkan dana itu dilaksanakan dengan kerjasama Petronas dan Pos Malaysia yang akan dijadikan pusat pengumpulan buku berkenaan.

Menurut Ibrahim, setakat ini Kemas mempunyai 198 pusat bacaan di seluruh negara dan terdapat sebanyak 650 perpustakaan termasuk perpustakaan bergerak di seluruh negara.

Katanya, pihak Petronas atau Pos Malaysia sebagai tempat pengumpulan akan diklasifikasi oleh pegawai dari Perpustakaan Negara Malaysia sebelum dihantar ke pusat kegiatan masyarakat Kemas ke perpustakaan yang sesuai.

"Memang diakui kemungkinan ada juga buku yang di luar jangkauan diterima seperti komik dan beberapa majalah hiburan. Bagaimanapun kita tetap akan menerimanya," katanya.

(END)